

30/05/2003

Penduduk Melayu Pulau Pinang memang mahukan kemajuan

Cucu Haji Othman

LAWATAN Perdana Menteri ke Pulau Pinang baru-baru ini membuka mata ramai pihak nasib sebenar sesetengah rakyat negeri itu, terutama orang Melayu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada akhir lawatan itu begitu kecewa dengan keadaan pembangunan di bahagian sebelah pulau negeri ini. Beliau menegur keadaan sesetengah penduduk yang masih terpinggir di tengah-tengah

kepesatan pembangunan negeri ini.

Keadaan mereka, kata Perdana Menteri, seperti pada zaman Perang Dunia Kedua dulu.

Kekecewaan dan teguran Dr Mahathir itu nampaknya tidak dapat diterima dengan hati dan minda terbuka sesetengah pihak. Mereka yang dicitu itu terus melatah.

Maka berlakulah tuduh menuduh di antara satu pihak dengan pihak lain. Sama ada kerajaan negeri atau Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), kedua-kedua pihak harus bertanggungjawab terhadap realiti yang digambarkan Perdana Menteri.

Memang menjadi kelaziman manusia apabila berlalu sesuatu kesilapan, maka

jari telunjuk akan dituding ke arah orang lain. Kalau dituding ke arah diri sendiri mungkin akan terseliuh agaknya.

Dulu di Butterworth, ada sebuah kampung bernama Bagan Dalam. Kampung ini wujud sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi.

Lokasi kampung ini amat strategik kerana terletak berhampiran pelabuhan, stesen kereta api, pangkalan feri dan stesen bas.

Saya tinggal di kampung itu sejak kecil lagi. Keluarga ayah saya tinggal

di situ sejak sebelum zaman pemerintahan British dan Jepun lagi.

Kehidupan penduduk kampung walaupun tidak mewah, kami hidup dalam aman damai. Boleh dikatakan setiap penduduk di kampung itu mengenali di antara satu sama lain.

Semangat kejiranan yang ditunjukkan tinggi. Kalau ada kenduri-kendara, sakit-demam dan kematian, memang ramai yang akan datang membantu dan menziarahi.

Pada 1984, UDA dan Kerajaan Pulau Pinang ingin menjalankan projek pembinaan rumah pangsa di kampung itu. Maka, ramai penduduk kampung dipaksa berpindah, termasuk keluarga saya.

Pampasan yang diberikan jauh berbeza dengan harga seunit rumah pangsa itu. Kebanyakan keluarga diberi pampasan kurang RM10,000 manakala harga seunit rumah pangsa RM25,000.

Pada 1984, RM25,000 adalah satu jumlah yang banyak. Dengan pendapatan penduduk yang rendah, maka kebanyakan keluarga tidak mampu untuk memiliki

seunit rumah pangsa itu. Mereka terpaksa berpindah ke tempat lain. Pada mulanya UDA dan Kerajaan Pulau Pinang menempatkan mereka di Rumah Panjang

UDA di Jalan Bagan Dalam, tetapi disebabkan rumah itu mempunyai taraf TBT

(Temporary Building Permit) dan ia untuk sementara waktu saja maka kebanyakan keluarga terpaksa berhijrah.

Kini, kebanyakan unit rumah pangsa itu dimiliki orang luar, bukan penduduk asal kampung berkenaan.

Ramai penduduk kampung yang menentang projek itu kerana masalah pampasan rendah dan harga rumah pangsa tinggi. Di samping itu, mereka tidak mahu meninggalkan kampung halaman yang didiami sejak sekian lama. Tetapi, selepas dipujuk rayu dengan pelbagai janji manis, maka mereka terpaksa menerima juga pampasan dan berpindah.

Penduduk kampung sebenarnya memang inginkan kemajuan. Tetapi, bukan ini

caranya. Apa salahnya jika kerajaan negeri dan UDA meningkatkan infrastruktur asas seperti jalan raya, sistem perparitan, memperbaiki sekolah

yang usang dan menyediakan kemudahan asas lain serta kekalkan status kampung seperti yang dibuat pada Kampung Seronok di Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Keadaan sesuatu kampung tidak akan nampak seperti sebelum perang jika mempunyai infrastruktur yang baik.

Dengan berpindahnya penduduk kampung dan terbinanya rumah pangsa yang tinggi melangit, maka terhapuslah sebuah lagi kampung Melayu di Pulau Pinang. Penempatan Melayu di Pulau Pinang terhapus di sebalik nama projek

pembangunan untuk orang Melayu.

Perkara ini agak sensitif untuk dibincangkan tetapi ia harus diketengahkan untuk kebaikan semua.

Jika Pulau Pinang tenggelam di dasar lautan sekalipun, masalah Melayu Pulau Pinang tidak akan selesai selagi tidak ada perpaduan, kesedaran dan

keinsafan di kalangan orang Melayu sendiri.

CUCU HAJI OTHMAN,

Kuala Lumpur.